

Bahasa Melayu Seumpama Bahasa Latin di Rantau Nusantara

TATIANA V. DOROFEEVA

Seorang mubaligh bangsa Belanda, Francois Vallentyn (Vallentijn), yang banyak mengembara kerana kegiatan kemubalighannya pada akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18 itu telah menghasilkan penggambaran yang jelas mengenai tempat yang pernah dilawatinya. Dalam jilid 5 karyanya yang berjilid-jild itu yang sudah diterbitkan pada 1726, antara lain, mengandungi bab-bab mengenai Melaka, Sumatra, pulau Ambon, pulau Banda dan lain-lain. Petikan daripada jilid tersebut berkenaan bahasa Melayu adalah berbunyi (terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris dibuat D.F.H. Hervey):

“Their language, Bahasa Melayuas a language understood everywhere and by everyone, just as French or Latin in Europeto such an extent that, knowing that language, one never will be at a loss, because it is used and understood ... as far as the Philippines. Moreover, if you do not understand this language, you are considered a very badly educated man in the East” [Valentyn: 52; Collins 1998: 33].

Satu lagi pernyataan yang serupa dengan itu, tetapi kurang terkenal pernah diungkapkan Gabnor Maluku (antara 1536-1539), Antonio Galvão, seratus tahun terdahulu dari pernyataan Valentyn. Menurutnya,

“At present the Malayan language has come into vogue; and most of them [penduduk Maluku – T.D] speak it and avail themselves of it throughout the whole region where it is like Latin in Europe” (Collins 1998: 23).

Kedua-dua pernyataan itu merujuk kepada bahasa Melayu Zaman Pertengahan. Nyatalah yang dimaksudkan di sini adalah keserupaan fungsi kedua-dua bahasa: Malayu dan Latin, dan bukannya keserupaan ciri-ciri linguistik atau pentingnya bahasa-bahasa itu sebagai bahasa donor bagi pinjaman leksikal oleh bahasa-bahasa dunia. Kalau berdasarkan kayu ukur sebegini, justru bahasa Malayu dan bahasa Latin telah memperlihatkan perbezaan yang terserlah. Oleh sebab bahasa Latin mempunyai sistem tulisannya sendiri, iaitu huruf Rumi (walaupun berdasarkan abjad Greek yang diubahsuaikan) yang “didermakan” kepada banyak bahasa di dunia, manakala bahasa Malayu klasik diketahui meminjam sistem tulisan dari luar, khasnya tulisan Arab, atau Jawi. Seterusnya, bahasa Latin pernah dan tetap menjadi sumber pinjaman kata serta bahan penggubalan istilah bagi banyak bahasa lain di dunia; sebaliknya bahasa Malayu sendiri pada masa dahulu banyak menerima pengaruh daripada bahasa Arab, sama ada dari segi leksikal atau nahuan. (Namun, tidak dinafikan adanya juga pinjaman dari bahasa Malayu dalam beberapa bahasa serumpun).

Ketidakterpaparan kedua-dua bahasa yang diperkatakan itu turut terserlah dalam cara bahasa-bahasa itu tersebar, iaitu sekiranya penyebaran bahasa Latin terjadi berikutan penaklukan wilayah dilakukan Empayar Rom, sedangkan ekspansi bahasa Melayu berlaku ekoran perluasan perdagangan serta penyebaran agama Islam dengan bahasa Melayu menjadi alat dakwah agama baharu itu. Adalah fungsi serupa itu telah mendekatkan bahasa Latin dan bahasa Melayu di zaman pertengahan itu, maka hal itulah yang menarik perhatian orang Eropah pelopor di rantau Nusantara serta mendorong mereka memberi penilaian begitu tinggi kepada bahasa Melayu.

Seperti yang diketahui, bahasa Latin dalam bentuk tulisan tetap bertahan di seluruh kawasan Eropah sebagai bahasa umum di bidang ilmu, falsafah, agama Kristian, diplomasi dan perdagangan setelah terurainya dalam bahasa-bahasa Roman. Dengan kata lain, pada masa itu, bahasa Latin berfungsi sebagai bahasa persuratan umum bagi Eropah, sekaligus menjadi bahasa tulisan perantaraan antarabangsa. Fungsi yang sama telah dimainkan bahasa Melayu klasik di Nusantara yang luas. Perlu dinyatakan di sini, kedua-dua pencatat sejarah tadi, baik Valentyń atau Galvão, yang mula-mula sekali memerhatikan kesamaan fungsi bahasa Latin dan bahasa Melayu, tidak mempunyai dalam tangan mereka data sejarah yang telah diketahui pengkaji Melayu masa kini hal mana menjadikan perbandingan kedua-dua bahasa dalam perbincangan itu lebih beralasan. Seperti kita boleh perhatikan, bahasa Melayu persuratan zaman pertengahan yang bertuliskan Jawi itu digunakan di tiga bidang fungsional (biarpun tidak sama dari segi jumlah hasil tulisannya) iaitu persuratan dalam erti kata yang luas (karya bercirikan seni sastera, agama dan sejarah), warkah diplomasi serta surat-menyurat yang bersifat bisnes (kontrak, perjanjian dan sebagainya).

BAHASA SASTERA MELAYU KLASIK

Untuk membayangkan betapa luasnya bidang cakup bahasa Melayu pada masa lampau dan demikian menjadi yakin betapa kayanya potensi sistem leksikal serta nahuannya, adalah tepat pada tempatnya untuk ditinjau secara ringkas genre dan gaya seperti yang terdapat dalam sastera rakyat dan Melayu klasik.

Bahasa Gaya Hikayat

Sastera atau cerita rakyat termasuk jenis-jenis cerita dan sastera yang berlainan ciri dan coraknya, seperti mitos, legenda, cerita penglipur lara, cerita binatang dan cerita jenaka. Dalam gaya naratif yang berbentuk hikayat telah dihasilkan saduran karya Hindu-Jawa, Parsi dan Arab, seperti *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Muhammad Hanafiah* serta karya sastera corak roman, misalnya *Hikayat Gul Bakawali* dan juga epik tempatan, seperti *Hikayat Hang Tuah*. Jenis gaya naratif itu juga termasuk sastera sejarah, seperti *Hikayat Raja-raja Pasai* dan *Sejarah*

Melayu. Bahasa dalam hikayat itu amat mirip dengan gaya cerita rakyat dan dilihat pengkaji sebagai yang murni dan kurang dipengaruhi bahasa Arab.

Bahasa Gaya Kitab

Gaya sastera kitab, sebaliknya, banyak berbau pengaruh Arab. Nama genre itu berasal dari karya *kitab*, iaitu karangan ilmu yang bercorak agama Islam, falsafah, metafizika, teologi dan berkaitan pemikiran rasional. Justru bahasa kitab banyak dipengaruhi bahasa Arab sama ada kosa katanya atau tatabahasanya, misalnya fungsi dan makna baru kata penghubung dan pola-pola sintaksis meniru bahasa Arab. (Ronkel 1879; Asmah 1991). Hasil pengaruh sedemikian itu ada yang betul-betul bersifat interferensi, iaitu perusakan dan penyimpangan dari norma bahasa yang sedia wujud. Oleh itu tidak diterima masyarakat; namun ada pula yang lama kelamaan telah meresap masuk ke dalam semua bidang persuratan Melayu, tidak dikecualikan hasil seni sastera dan menjadi ciri bahasa Melayu moden (Al-Attas 1972: 45-47). Penyerapan dan pemantapan itu terjadi bukan sahaja kerana peranan utama mula dimainkan karyawan bangsa asing yang berbahasa Melayu, seperti Nuruddin ar-Raniri, atau orang Melayu yang berpendidikan Arab, seperti Abdul Rauf Singkel; tetapi juga kerana keinginan pengarang sengaja meniru gaya bahasa Arab untuk memperlihatkan taraf keilmuan mereka (Teeuw 1959; Ronkel, 1879). Demikianlah dalam bahasa Melayu klasik sudah wujud dua jenis norma yang dicerminkan dalam dua gaya bahasa di mana bahasa gaya kitab dianggap bahasa ilmu, padat, tegas, intelektualnya (Al-Attas 1972), iaitu sesuai dipadankan dengan bahasa Latin yang berperanan sebagai bahasa ilmu di Eropah Zaman Pertengahan dan juga merupakan bahasa perantaraan.

Perlu ditegaskan bahawa karya dalam tulisan Jawi telah dihasilkan bukan sahaja di kawasan yang didiami orang Melayu, seperti Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, selatan Patani; tetapi juga di tempat-tempat bukan orang Melayu, seperti Aceh, Jawa, Sulawesi, Borneo, Lombok dan Bima. Sebagai bahasa khutbah, bahasa Melayu turut diterima penduduk Cham yang beragama Islam di Vietnam dan Kemboja (Al-Attas 1972: 674). Sebagai bahasa perantaraan, tulisan Jawi bertugas dalam dua cara. Pertamanya, melaluinya orang tempatan bukan Melayu mengenal khazanah sastera Melayu yang kaya; keduanya, penduduk di merata-rata tempat itu telah menghasilkan hikayat dalam bahasa Melayu. Adalah cukup kalau disebut beberapa contohnya: *Hikayat Aceh*, *Hikayat Tanah Hitu* (p. Makassar), *Hikayat Hasanuddin* (salasilah raja-raja Bantam di Jawa barat) dan *Hikayat Raja-raja Brunei*.

Selain karya seni sastera dan kitab, dalam tulisan Jawi juga telah dihasilkan karya ilmu seperti *Hulasat 'ilm as-sarf* mengenai tatabahasa yang merupakan terjemahan hurufiah daripada bahasa Parsi dari tahun 1582 dan juga bukan dari tempat asal Melayu, tetapi di Jawa Barat (Bausani 1969). Contoh karya undang-undang berbahasa Melayu adalah *Undang-Undang Melaka* dan *Undang-*

Undang Laut yang dijadikan tauladan untuk menulis undang-undang seumpama oleh rakyat bukan Melayu, khususnya Aceh dan Pontianak.

Hasil tulisan yang berjenis-jenis ragamnya dalam bahasa Melayu di Zaman Pertengahan seperti yang digambarkan di atas itu benar-benar membuktikan peranannya yang dapat disamakan dengan peranan penting bahasa Latin di Zaman Pertengahan. Bahawa tulisan Jawi mempunyai martabat tinggi itu boleh kita simpulkan juga dari suatu kejadian sastera yang menarik dengan seorang professor pengajian Timur dari England, Thomas Hyde, yang pada tahun 1695 telah menghasilkan elegi untuk memperingati kematian Ratu Inggeris Mary II dalam beberapa ‘bahasa eksotik’, termasuk tulisan Jawi (Collins 1998: 51). Fungsi perantara tulisan Jawi pertama-tamanya adalah disebabkan bahasa itu telah menjadi bahasa dakyah agama baru, iaitu Islam, dengan memperkenalkan Islam dan *al-Quran* kepada mereka yang tidak tahu bahasa Arab. Peranan bahasa Melayu dalam tulisan Jawi dalam penyebaran Islam sudah diketahui umum dan sudah nyata. Memang, bukanlah kebetulan terdapat ungkapan sinonim ‘masuk Melayu’, ‘masuk Islam’ dan ‘masuk Jawi’. Namun, kurang diketahui peranan bahasa Melayu, biarpun pada mulanya dalam tulisan Rumi dalam penyebaran agama Kristian sejak lama dulu.

Agaknya, orang Eropah yang pertama dan mula menggunakan bahasa Melayu untuk tujuan dakwa Kristian Katolik adalah mubaligh Kristian dari Spanyol, Francis Xavier. Sebelum bertolak ke Ambon dengan tugas kemubalighannya, beliau tiba di Melaka pada tahun 1545 (masa itu di bawah pemerintahan Portugis). Di sana beliau menyediakan doa dan khutbah dengan menterjemahkannya daripada bahasa Latin yang merupakan bahasa gereja Katolik ke dalam bahasa Melayu, memandangkan bahasa Melayu telah dituturkan di Ambon. Teks-teksnya itu tidak disimpan, maka tidak ada satupun telah diperturunkan sehingga kini. Namun, hal pernah adanya cukup terbukti, antara lain, dari surat Francis Xavier sendiri (Drewes: 128; Collins 1980: 8). Seorang lagi paderi bangsa Itali, Lorenzo Masonio, yang juga pernah bertugas di Ambon turut menggunakan bahasa Melayu dalam khutbahnya dan pernah menulis buku pelajaran agama Kristian Katolik dalam bahasa Melayu dan tulisannya juga tidak ditemui masa kini (Collins 1996: 391).

Demikianlah usaha untuk membuat orang tempatan di Nusantara memeluk agama Kristian Katolik dengan perantara bahasa Melayu yang mengambil tempat bahasa Latin itu telah bermula lama dulu, sejak zaman pemerintahan Portugis lagi. Ketika kuasa pemerintahan Portugis diambil alih oleh Belanda yang bermazhab Kristian Protestan, mereka terus memanfaatkan bahasa Melayu yang bertuliskan Rumi bagi tujuan menyebarkan agamanya. Namun, kali ini tulisan agamanya telah sampai ke tangan pengkaji masa kini, biarpun dalam tulisan tangan sahaja. Ini termasuk manuskrip buku pedoman agama Kristian dengan judulnya *F.S.P.G* yang bertarikh tahun 1624 dan dipercayai telah dihasilkan paderi Belanda dengan nama Spilyardius. Buku yang serupa itu adalah buah pena orang senegerinya, iaitu paderi Y. Roman, serta terjemahan buku *Injil* ke dalam bahasa Melayu Ambon yang telah dibuat pada akhir abad ke-17 oleh F. Vallentijn.

Buku *Surat ABC* daripada saudagar dan mubaligh Belanda, Albert Ruyll, dipercayai adalah buku pertama yang pernah diterbitkan dalam bahasa Melayu (1611) dengan tujuan mengajar huruf-huruf Rumi kepada orang tempatan, selain mengajar asas-asas agama Kristian (Groeneboer 1995: 33). Buku itu disusuli dengan sebuah lagi buku daripada pengarang yang sama: *Spieghel vande Malaysche Tale* (Mirror of the Malay language) untuk memperkenalkan huruf-huruf Rumi bersama dengan pedoman Krisitan.

Kesimpulannya, pada abad ke-17 jumlah buku pedoman Kristian yang terbit sudah membentuk senarai yang cukup panjang dengan mencakupi pedoman, doa, sermon, khutbah serta terjemahan Buku Injil (Collins 1998).

BAHASA MELAYU RENDAH DAN TINGGI *VERSUS* LATIN RAKYAT DAN LATIN KLASIK

Mula-mula sekali buku mengenai agama Kristian telah ditulis dalam bahasa Melayu Rendah, iaitu bahasa percakapan yang menjadi bahasa pergaulan antarabangsa dan bahasa perdagangan (*lingua franca*) di Nusantara. Istilah Melayu Rendah terus membayangkan adanya bahasa Melayu Tinggi (yang merujuk kepada bahasa Melayu klasik, bahasa persuratan dan bahasa ilmu), maka mengundang kita memerhatikan satu lagi kesamaan antara bahasa Melayu dan bahasa Latin.

Seperti yang diketahui, istilah bahasa Latin meliputi bentuk bahasa yang berlainan, iaitu Latin Klasik (kemudian Latin Lampau, the Late Latin) dan Latin Rakyat (vulgar). Bahasa Latin Rakyat menjadi bahasa percakapan; manakala bahasa Latin Klasik (Lampau) berfungsi sebagai bahasa persuratan, ilmu, pelajaran, diplomasi dan agama Kristian di peringkat antarabangsa Eropah. Sejak Zaman Pertengahan hingga abad ke-17-18, bahasa Late Latin itu telah diistilahkan sebagai 'bahasa mati', sebab sudah tidak dituturkan lagi dan hanya dapat difahami orang yang berpendidikan.

Bahasa Latin Rakyat pula diketahui pernah mempunyai banyak versi tempatan yang berbeza-beza, maka menambahkan jurang perbezaannya (didorong terpecahnya Empayar Rom) dan membuahkan wujudnya bahasa-bahasa Roman (Spanyol, Portugis, Perancis, Itali dan Romania) pada abad ke-9. Boleh dikatakan, gambaran yang sama dapat dilihat dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu. Bahasa Melayu lisan (Melayu Rendah) sebagai *lingua franca* di Nusantara juga berbeza-beza bentuknya disertai proses *pidginization* dan *nativization*, maka melahirkan banyak bahasa Melayu Rendah tempatan, seperti Bahasa Betawi, Melayu Ambon, Melayu Ternate, Baba Melayu, Melayu Sri Lanka, dan Melayu Keeling (di Pulau Kokos). Bahasa-bahasa itu sekarang dikenali dengan istilah Pidgin-Malay Derived languages, (PMD-languages) (Al-attas: 1972: 675).

Pada awal zaman kemubalighan Kristian, dengan pelopornya daripada orang perseorangan yang bersemangat tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu melalui pergaulan langsung dengan penduduk tempatan, pilihan mereka sewajarnya

adalah bahasa Melayu Rendah yang diketahui umum. Namun, sejak akhir abad ke-17, kuasa gereja di Batavia telah memutuskan untuk memilih bahasa Melayu Tinggi sebagai bahasa terjemahan bagi Injil. Penterjemahan itu dilakukan oleh M. Leydekker, yang diketahui telah mempelajari bahasa itu di Jawa menerusi buku-buku dalam jangkauannya yang kebanyakannya jenis kitab hal mana tercermin dalam hasil terjemahannya yang amat terpengaruh oleh gaya kitab kearaban (Swellengrebel 1974; Groeneboer 1995; Tuuk 1856).

Sejak munculnya buku Injil itu (kerja penterjemahan dan penyuntingan telah mengambil masa panjang dan baru selesai pada tahun 1731-33 selepas Leydekker meninggal dunia) selesailah diskusi bentuk bahasa apakah – Tinggi atau Rendah – semestinya digunakan bagi tujuan propaganda agama Kristian di Hindia Belanda. Demikianlah cerita lahirnya bentuk bahasa Melayu Tinggi jenis gereja atau Melayu Bible yang umumnya tidak difahami sama ada oleh pelajar atau guru agama itu (Drewes: 145-147; Kroeskamp: 77). Bentuk bahasa itulah yang dipanggil sarjana Belanda, Van der Tuuk, sebagai ‘bahasa mati’ yang menurutnya hanya ditemui dalam manuskrip-manuskrip (Tuuk 1856). Bahasa Melayu Tinggi Gereja itu melayani bidang keagamaan Kristian selama satu setengah abad sehingga pada tahun 1863 telah timbul terjemahan Injil baru oleh H. Klinkert (mula-mulanya dalam tulisan Rumi, kemudian dalam tulisan Jawi) yang bahasanya juga ‘tinggi’, namun sudah lebih menyerupai bahasa Abdullah Munsyi (Forbes 1979).

BAHASA MELAYU DALAM ‘WARKAT TULUS DAN IKHLAS’

Seterusnya, peranan bahasa Melayu di Zaman Petengahan juga boleh dipadankan dengan bahasa Latin sebab kedua-duanya digunakan dalam surat-menyurat. Daripada dua buah buku yang cemerlang daripada Annabel Gallop-Teh (1991 & 1994) pada awal tahun 1990-an, para pengkaji Melayu dapat mengetahui ratusan pucuk surat (yang sentiasa dipanggil sebagai *warkat tulus dan ikhlas*) dalam tulisan Jawi dari berbagai-bagai pelosok Nusantara dan meliputi empat abad. Sekarang kita dengan penuh yakin boleh menyatakan bahawa wilayah penggunaan tulisan Jawi termasuk Indonesia, Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Thailand, Kamboja dan Filipina. Tulisan Jawi telah dimanfaatkan orang Melayu, Aceh, Ambon, Minangkabau, Jawa, Bali, Bugis dan Madura. Surat-menyurat diplomatik dilakukan dengan negara-negara di Asia (Cina, India, Arab) dan juga di Eropah (England, Belanda, Perancis, Portugis, Denmark).

Antara surat-surat tersebut, ada yang berasal sangat awal, iaitu bertarikh tahun 1521-1522 (surat Sultan Abu Hayat dari Ternate). Contoh warkah yang secara relatif tua (abad ke-17) termasuk surat Sultan Aceh Iskandar Muda kepada Ratu Inggeris dan Raja Inggeris; surat dari Siam kepada kapitan di Patani, surat kapitan dari pulau Buton (Sulawesi) dan surat raja Jambi kepada Gabnor-jeneral di Batavia (Ronkel 1902; Shellabear 1898; Gallop 1991 & 1994; Collins 1998).

Kerja akhir-akhir ini di arkib memungkinkan penemuan-penemuan baru seperti beberapa contoh surat Melayu abad ke-17 yang disimpan di Arkib Negara Denmark (Vorhoeve 1975), atau surat raja Kamelah dari Ambon kepada Gabnor Kompeni India Timur British (Gallop 1991: 128).

BAHASA MELAYU DALAM SURAT-MENYURAT BISNES

Bidang *functional* bahasa Melayu yang tersendiri adalah surat-menyurat bisnes dan dokumen-dokumen seperti kontrak, perjanjian dan lesen. Di sini termasuk kontrak pembekalan lada yang ditandatangani Sjahbandar Aceh dengan dua orang kapitan Armada Belanda; lesen dagang daripada sultan Aceh kepada seorang kapitan Inggeris (yang namanya tidak disebut, namun paling mungkin adalah J. Lancaster) dan lagi satu lesen dagang kepada H. Middlton (yang belayar bersama Lancaster) (Shellabear 1898; Ronkel 1908).

Keunikan bahasa Melayu sebagai bahasa perdagangan di Nusantara Zaman Pertengahan itu telah ditekankan ahli sejarah, A. Reid (1988: 7) yang menulis: “*The Malay language hereby became the main language of trade throughout Southeast Asia... At least those who dealt with matters of trade and commerce in the major ports had to speak Malay as well as their own language*”.

Di arkib Indonesia dan Belanda dipercayai masih tersimpan banyak dokumen dari zaman ke-17 dan yang belum dikaji dan diterbitkan. Jumlahnya melebihi satu ribu surat, walaupun yang sudah terbit itu berjumlah seratus sahaja.

KESIMPULAN

‘Warkat tulus dan ikhlas’ serta dokumen bisnes bersama dengan karya sastra dan tulisan agama dan falsafah itu jelas membuktikan bahasa Melayu persuratan di zaman dahulu betul-betul adalah bahasa ilmu dan bahasa perantaraan di dunia Melayu. Ia sedmikian agung dan patut disamakan dengan bahasa Latin di Eropah dewasa itu. Kami akhiri dengan petikan daripada A. Sweeney (1987: 46): ‘*The expectation produced by the mental set of pre-Romanticist Europe was that a language of scholarship would be a learned language in the tradition of Latin, Greek, and Hebrew. And in this respect, those Europeans who concerned themselves with the “East” were not disappointed; aside from Arabic and Persian, the learned language of scholarship throughout a vast area of the East was seen to be Malay*’.

RUJUKAN

- Al-Attas, Syed Mhd. Naguib 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj Omar 1991. *Bahasa Melayu abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu ‘Aqa’id Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Bausani A. 1969. Un manoscritto persiano-malese di grammatica araba del XVI secolo, *Annali. Istituto Orientale di Napoli, Nuova serie* XIX (Vol. 29), fasc. 1.
- Collins, James T. 1980. *Ambonese Malay and Creolization Theory*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1996. Bahasa Melayu Abad ke-17: Ciri-ciri Sociolinguistik. *Jurnal Dewan Bahasa*, Mei.
- _____. 1998. *Malay World Language: a Short History*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa & Pustaka (*The History of Malay Monograph Series*).
- Drewes G.W.J. 1929. The Influence of Western Civilization on the Languages of the East Indian Archipelago. *The Effect of Western Influence in Native Civilization in the Malay Archipelago*, ed. B. Schricke. Batavia.
- Forbes, Yan Rees. 1979. *H.C. Klinkert's Malay Bible – History of Language* (M.F. Diss. University of Auckland).
- Gallop A.T. 1991. *Golden Letters. Writing Traditions of Indosnesia / Surat Emas. Budaya Tulis di Indonesia* (bersama B. Arps). London: The British Library; Jakarta: Yayasan Lontar.
- _____. 1994. *The Legacy of the Malay Letter/ Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library
- Groeneboer K. 1995. *Jalan ke Barat. Bahasa Belanda di Hindia Belanda 1600-1950. Sejarah politik bahasa*, Jakarta.
- Ronkel, P. S. van. 1899. Over invloed der Arabische syntaxis op de Malaeische. *Tijdschrift voor (Indische) Taal-, Land- en Volkenkunde: 41, Batavia –Den Haag* (sama: 1977. *Mengenai pengaruh tatakalam Arab terhadap tatakalam Melayu*. Terj. dlm. Bahasa Indonesia oleh Dra. A.Ikzam. Jakarta: Bharatara).
- _____. 1902. Een Malaische Brief van 1608 uit Siam Gezonden aan den Hollandischen Kapitein te Patani, *Tijdschrift voor (Indische) Taal, Land en Volkenkunde: 41, Batavia – Den Haag, Deel 145*.
- _____. 1908. Een Malaisch Contract van 1600, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, Deel 6*.
- Shellabear W.G. 1898. An Account of Some of the Oldest Malay MSS Now Extant, *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. 31*
- Sweeney A.A. 1987. *Full Hearing. Orality and Literacy in the Malay World*. Berkeley: University of California Press.
- Swellegrebel J.I. 1974. In Leydekkers voetspoer. Anderhalve eeuw Bijbelvertaling en taalkunde in de Indonesische talen. 1820-1900, *Verhandelingen van het KTLV: 68, s'Gravenhage*.
- Teeuw A. 1959. The History of the Malay Language: a Preliminary Survey, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, Deel 115*.
- Tuuk H.N., van der. 1856. Iets over de Hoog-Malay Bijbelvertaling, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, Deel 1*.
- Voorhoeve P. 1975. Two Malay Letters an the National Archives of Denmark, *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, Deel 131, 2/3 afl*.
- Wurm S.A., Mühlhäusler P., Tryon D.T.B. ed. Atlas of Languages of Intercultural Communication in the Pacific, Asia, and the Americas. Leiden: Mouton de Gruiter, 1996. (*Trends in Linguistics Documentation: 13*).

(Sumber asal makalah ini adalah dalam bahasa Rusia dengan judul *Malaiskiy – 'latinskiy' yazyk Nusantary (malaiskogo vostoka* yang diterbitkan dalam jurnal *Vostok/Oriens: 4*,

Moscow, 2001)

Penterjemah dan Penulis: Tatiana V/ Dorofeeva, Ph D
Bahagian Pengajian Melayu,
Jabatan Pengajian Sastera dan Bahasa Asia Tenggara
Institut Negeri-Negeri Asia Afrika
Moscow